

SEMINAR KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAM (KTP) UniMAP

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 4 Ogos 2011, di Bilik Sumber PPK Mekatronik, Kampus
UniMAP, Pauh Putra.

Bismillahirrahmannirrahim

Yang Berusaha Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Profesor Dr Zakaria bin Abas, Penasihat khas kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, yang juga Ketua Panel Knowledge Transfer Program (KTP),

Yang Berbahagia, Dr Angelina Yee, dari Nottingham University of Malaysia, yang juga adalah ahli panel KTP,

Yang Berbahagia, Mr Chong Aik Lee, dari UCSI, yang juga adalah ahli panel KTP,

Yang Berbahagia, Profesor Dr Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, UniMAP

Yang Berbahagia, Profesor Dr Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Penolong-penolong Naib Canselor,

Dekan-Dekan, Ketua-ketua Jabatan,

Pensyarah-pensyarah, wakil-wakil dari industri dan komuniti sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan keizinanNya membolehkan kita berkumpul pada hari yang berbahagia ini dalam Seminar Knowledge Transfer Program (KTP) yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua hadirin ke Seminar Knowledge Transfer Program (KTP) yang merupakan julung kali dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Hadirin sekalian,

Baru-baru ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menawarkan Geran Knowledge Transfer Program (KTP) kepada UniMAP dan sememangnya sebagai sebuah universiti yang berdaya saing, UniMAP amat mementingkan 'knowledge transfer' atau 'pemindahan ilmu' kepada seluruh masyarakat.

Hal ini kerana, pemindahan ilmu atau lebih tepat perkongsian ilmu akan memberi manfaat bukan sahaja kepada penerima tetapi juga kepada pemberi. Dalam Islam sendiri ada menyebut bahawa jika kita inginkan keberkatan dalam sesuatu perkara, kita hendaklah berkongsi perkara tersebut bersama dengan orang lain. Atas dasar itulah, pada hari ini UniMAP terpanggil untuk mengadakan seminar ini dengan penglibatan industri dan komuniti.

UniMAP juga telah banyak berkolaborasi dan melaksanakan pemindahan ilmu kepada industri dan komuniti. Penyelidik di UniMAP sangat digalakkan untuk membuat penyelidikan yang hasilnya boleh memberi manfaat kepada industri dan komuniti. Produk-produk hasil penyelidikan di UniMAP telah banyak dihasilkan dan memberikan impak positif kepada industri dan komuniti di sekitar Perlis, utara Semenanjung Malaysia, di peringkat Malaysia dan dunia.

Di sini ingin saya kongsi, antara penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh penyelidik-penyelidik UniMAP. Misalnya, penyelidik UniMAP telah membuat kajian untuk mengklasifikasikan tahap masak dan kualiti buah mangga harumanis dan buah-buah lain dengan menggunakan produk-produk sensor dan 'e-nose'. Petani juga boleh menabur baja tanaman atau racun dengan menggunakan robot yang terbang di udara. Itu juga adalah hasil ciptaan penyelidik UniMAP. Penyelidik UniMAP juga telah menghasilkan alat khas untuk memproses keropok lekor.

Tidak ketinggalan, UniMAP juga sudah membangunkan penyelidikan burung walit di mana ilmu elektronik, akoustik dan sensor digunakan untuk menarik lebih banyak burung walit membuat sarang di sekitar kawasan yang berpotensi. Penyelidik UniMAP juga telah merekabentuk mesin mengering, dan menimbang belacan automatik, merekabentuk mesin pengisar biji dan pulur kekabu, mesin kuih karas dan banyak lagi.

Disamping itu, UniMAP aktif dalam aktiviti pemindahan ilmu kepada sekolah seperti projek 'green house' dengan Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis, projek 'Agriculture Microorganism-Agrimo' dengan Sekolah Menengah Teknik Pertanian Teluk Intan, dan lain-lain. Sebenarnya masih ada banyak lagi projek-projek UniMAP yang tidak dapat saya sebutkan di sini, namun apa yang pasti penyelidik-penyelidik UniMAP

sememangnya mendapat sokongan sepenuhnya dalam melaksanakan penyelidikan dalam apa jua bidang yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Di peringkat nasional dan antarabangsa pula, UniMAP telah membuat produk-produk berimpak seperti menggunakan teknologi nano untuk mengesan kanser serta merekabentuk sistem bagi mengawal satelit Razaksat dengan kerjasama dan pemindahan ilmu kepada Astronautic Technology Sdn Bhd.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Semasa pertandingan ITEX2011 (International Exhibition di Kuala Lumpur), UniMAP telah memenangi 11 pingat emas iaitu bilangan pingat emas terbanyak di antara semua universiti dan institusi penyelidikan di Malaysia dan luar Malaysia. Walaupun begitu, usaha UniMAP tidak berhenti setakat memenangi pingat sahaja. Produk-produk penyelidikan UniMAP bukan sahaja dicipta untuk tujuan penerbitan dan juga pertandingan tetapi UniMAP melihat dalam medium yang lebih besar iaitu produk-produk ini perlu dikomersilkan dan di buat pemindahan ilmu kepada industri dan komuniti.

Saya merasakan tidak ramai yang mengetahui mengenai Knowledge Transfer Program (KTP) dan geran KTP yang telah ditawarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

'Knowledge Transfer Program (KTP)' ini adalah salah satu Critical Agenda Project (CAPS) di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Walaupun CAPS KTP ini masih baru, dan belum mempunyai 'Strategic Objective', tetapi UniMAP telah mengambil langkah proaktif untuk mengadakan program-program untuk memberi pendedahan mengenai KTP kepada pensyarah, industri dan komuniti.

Setahu saya, seminar KTP seumpama ini adalah yang pertama dianjurkan di Malaysia, terutamanya dengan penglibatan wakil dari industri dan komuniti. Saya mengucapkan tahniah kepada sekretariat CAPS Knowledge Transfer Program (KTP) dan ahli jawatankuasa CAPS KTP kerana telah berjaya menganjurkan seminar Knowledge Transfer Program (KTP) pada hari ini. Berikan tepukan yang gemuruh buat mereka.

Sebagai sebuah institusi yang maju dan berdaya saing, UniMAP amat mengambil berat kepada 'pemindahan ilmu' dan menyokong hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dalam skim geran 'Knowledge Transfer Program (KTP)' ini. Izinkan saya memberi serba sedikit pengenalan kepada skim Knowledge Transfer Program (KTP) ini. Baru-baru ini Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menawarkan skim geran Knowledge Transfer Program (KTP) Fasa 1 sebanyak RM 6 juta.

Geran KTP ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu KTP Industri dan KTP Komuniti. Geran KTP ini akan diberikan kepada ahli akademik untuk memindahkan ilmu mereka kepada industri atau komuniti. Walaupun begitu, konsep geran KTP ini masih kurang jelas kepada ahli akademik di universiti dari segi tujuan dan kriteria. Mungkin kerana konsep KTP itu masih baru kepada ahli akademik kita. Misalnya apakah produk yang boleh dipindah-ilmukan? Apakah definisi industri? Apakah definisi komuniti? Apakah projek berbentuk 'corporate social responsibility (CSR)' yang boleh dikategorikan sebagai KTP? Dan pelbagai lagi soalan-soalan bagi memperjelaskan mengenai KTP ini.

Oleh itu, UniMAP mengambil inisiatif dengan mengadakan seminar 'Knowledge Transfer Program (KTP)' pada hari ini bagi menerangkan kepada pensyarah UniMAP mengenai konsep KTP, apakah itu KTP, tatacara permohonan geran KTP dan sebagainya. UniMAP sangat berbesar hati dapat menjemput ketua panel dan panel-panel KTP untuk memberi penerangan mengenai KTP dan kriteria serta syarat untuk geran KTP ini, dan lain-lain. Di samping itu, UniMAP juga menjemput wakil-wakil dari industri dan komuniti untuk hadir ke seminar KTP ini agar pihak industri dan komuniti diberi pendedahan mengenai konsep dan geran KTP ini. Saya berharap dengan adanya penerangan terperinci daripada ketua panel dan panel KTP pada hari ini, maka pemahaman mengenai konsep KTP akan meningkat di kalangan ahli akademik UniMAP, dan wakil industri serta komuniti.

Saya diberitahu bahawa geran KTP Fasa 2 akan dibuka dalam masa terdekat dengan jumlah dana yang lebih besar dari geran KTP Fasa 1. Dengan adanya wakil dari industri dan komuniti pada seminar KTP pada hari ini, saya berharap peluang ini dapat digunakan sebaik mungkin oleh pensyarah UniMAP untuk berinteraksi dengan wakil dari industri dan komuniti bagi mempromosikan kepakaran mereka dan berbincang mengenai potensi produk yang boleh dipindah ilmu kepada industri dan komuniti. Saya percaya, ide-ide baru yang akan dikeluarkan hasil dari interaksi pensyarah UniMAP dengan industri dan komuniti akan boleh digunakan untuk memohon geran KTP Fasa 2 kelak.

Hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya berharap seminar Knowledge Transfer Program (KTP) anjuran UniMAP ini akan mencapai matlamatnya. Adalah menjadi hasrat saya agar lebih banyak hasil penyelidikan di UniMAP dapat dipindah-ilmukan kepada industri dan komuniti.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim, saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Seminar Knowledge Transfer Program (KTP) anjuran UniMAP ini.

Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala wabarakatuh.